

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme pengumuman harga minyak yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui media sosial dan *portal* bermula jam 8.00 malam setiap hujung bulan bertujuan bagi memberi maklumat yang sah mengenai penetapan harga runcit minyak samada kekal atau terdapat perubahan. Bermula 1 Disember 2014, pihak Kerajaan telah menetapkan supaya harga minyak ditentukan melalui kaedah apungan secara terkawal. Melalui kaedah ini, penetapan harga runcit minyak setiap 1hb adalah berdasarkan kepada purata bulanan harga minyak dunia. Pelaksanaan kaedah ini telah pun diterima baik oleh semua pihak di mana harga minyak ditetapkan mengikut pasaran dunia setiap bulan. Perubahan kepada sistem ini berlaku seiring dengan keadaan semasa serta bagi memenuhi tuntutan rakyat yang sebelum ini mempersoalkan peningkatan harga minyak oleh pihak Kerajaan walaupun terdapat penurunan harga minyak dunia. Oleh yang demikian, persoalan mengenai pengumuman yang mengejut tidak menjadi isu kerana rakyat telah sedia maklum bahawa perubahan harga minyak akan terjadi setiap bulan berdasarkan harga pasaran dunia.